

**MAJLIS AKREDITASI TEKNOLOGI DAN TEKNIKAL (TTAS)**

Ruj. : MBOT. 600-8/5/1 (40)

Tarikh : 24 Mei 2022

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Ts./Tc./Dr./Tuan/Puan,

**PELAWAAAN PENILAIAN AKREDITASI BAGI BIDANG TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN PENGKOMPUTERAN (IT)**

Dengan hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti mana YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Ts./Tc./Dr./Tuan/Puan, sedia maklum, Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC) Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) bertindak sebagai Jawatankuasa Teknikal Bersama (JTC) dengan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi menilai jaminan kualiti program Sarjana Muda (Tahap 6 MQF), Diploma Lanjutan (Tahap 5 MQF), Diploma (Tahap 4 MQF) dan Sijil (Tahap 3 MQF) bagi program Teknologi dan Teknikal yang merangkumi program Teknologi, Teknologi Kejuruteraan dan Sains Gunaan di bawah 24 bidang seliaan MBOT. Setakat ini MBOT telah memberi akreditasi sebanyak 772 buah program.
  
3. Untuk makluman, MBOT merupakan penandatangan sementara Seoul Accord (SA) bagi negara Malaysia yang merupakan perjanjian pengiktirafan bersama antarabangsa untuk program Pengkomputeran di negara-negara penandatangan seperti di Lampiran 1. Mengikut perancangan, MBOT akan menjadi penandatangan penuh SA pada tahun 2021. Walaubagaimanapun, pandemik Covid-19 telah menghalang proses audit oleh pihak sekretariat SA. Oleh itu, MBOT merancang untuk menjadi penandatangan penuh (full signatory) SA pada suku pertama 2023.

4. Selain itu juga, para graduan bagi program yang mendapat akreditasi melalui TTAC MBOT, para graduan boleh berdaftar secara automatik sebagai Teknologis Siswazah (GT) dan Juruteknik Berkelayakan (QT).

5. Sehubungan itu, MBOT menjemput pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Ts./Tc./Dr./Tuan/Puan untuk mendapatkan akreditasi bagi program-program yang berkaitan Teknologi Maklumat dan Pengkomputeran kepada TTAC MBOT.

6. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Ts./Tc./Dr./Tuan/Puan boleh berhubung dengan YBrs. **Ts. Dr. Nor Aznan bin Mohd Nor** di talian **03-88006268** atau melalui e-mel [n.aznan@mbot.org.my](mailto:n.aznan@mbot.org.my) dan [ttas@mbot.org.my](mailto:ttas@mbot.org.my). Pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Ts./Tc./Dr./Tuan/Puan boleh melayari laman sesawang <https://mbot.org.my> dan <https://ttasmbot.org.my/>.


Sesungguhnya segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Ts./Tc./Dr./Tuan/Puan terhadap perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. MD FAUZI BIN MD ISMAIL)

Pendaftar

Lembaga Teknologis Malaysia